



**KAJIAN KOMPOSISI ELEMEN DAN PRINSIP
SENI BERINSPIRASIKAN DALAM KARYA
SIRI LATIF MAULAN “TALES OF
APOCALYPSE”**

Oleh:

NAMA : WAN MADIHAH BINTI MOHAMED RUSLI

C17A0456

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN.....	4
ABSTRAK	5 - 6
BAB 1	
PENGENALAN	8
LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN	9 - 10
MASALAH KAJIAN.....	11
RUMUSAN MASALAH.....	12
PERSOALAN KAJIAN	11
ISTILAH	13 -14
HIPOTESIS KAJIAN	15 -16
OBJEKTIF KAJIAN	17
MANFAAT PENYELIDIKAN	17
BAB 2	
RUMUSAN.....	18
KAJIAN PUSTAKA	19 -23
PERBANDINGAN KAJIAN.....	31 -33
BAB 3	
METODOLOGI.....	33 - 35
BAB 4	
ANALISIS	36 - 41
PROSES	42 - 48
BAB 5	
KESIMPULAN	49 – 50
RUJUKAN	51

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Madihah

Tandatangan

Nama pelajar : Wan Madihah binti Mohamed Rusli

No Matriks : C17A0456

Tarikh : 1 Julai 2021

Disediakan oleh :

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia : Encik Haris Abadi bin Abdul Rahim

Cop :

Tarikh:

Penghargaan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur alhamdulillah ke hadrat Allah kerana di atas limpahnya , maka dapatlah saya menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan .

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia penyelidikan saya iaitu Encik Haris bin Abdul Rahim. Tanpa pertolongan, pendapat beliau, nasihat, saya tidak dapat mempraktikkan penyelidikan saya. Tidak dilupakan barisan pensyarah di Falkulti Teknologi Kreatif dan Warisan , Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya untuk menghasilkan dan menyiapkan tugasaran kajian penyelidikan ini.

Ribuan terima kasih juga kepada kedua dua ibubapa saya yang saya hormati, Mohamed Rusli bin Daud dan Wan Maimun binti Wan Yusuff yang sentiasa memberi sokongan , kasih sayang dan panduan hidup yang amat saya perlukan.\

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat, rakan – rakan dalam memberi sumbangan dan cadangan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan ini dijadikan wadah ilmu yang berguna.

ABSTRAK

Kajian ini meneroka komposisi , elemen dan prinsip seni dalam siri karya Latif Maulan dalam menghasilkan sebuah lukisan potret atau dikenali sebagai lukisan wajah di samping mengkaji makna yang tersirat yang ada dalam penghasilkan karya *Tales of Apocalypse*.

Kajian ini memfokuskan terhadap karya Latiff Maulan yang dipilih. Salah satu tajuk karya yang dikaji ialah “*Tales Of Apocalypse*”. Pengkaji memilih 4 karya dalam siri *Tales of Apocalypse*. Kajian melalui sorotan literatur berkaitan tentang catan dan katalog-katalog dan artikel menjadi satu sumber rujukan yang penting untuk mengkaji komposisi , elemen dan prinsip seni pada karya Latif Maulan. Karya-karya beliau adalah aliran Hyperealism. Karya ini perlu dikembangkan dalam seni kontemporari di Malaysia yang wajar dikaji dan direkodkan.

Permasalahan dalam pencarian makna karya sukar untuk dijelaskan secara tepat namun analisis melalui, tema, elemen dan prinsip dalam seni dapat memberikan tumpuan dalam mengetahui makna yang tersirat dalam siri karya Latiff Maulan “*Tales Of Apocalypse*”. Berdasarkan analisis yang dikaji, karya beliau mewakili kehidupan persekitaran dan alam Dengan gabungan figura yang sempurna dapat diberikan makna simbolik yang tersendiri yang bercirikan seni moden. Selain itu, pengalamannya sepanjang menjadi pelukis menjadi salah satu faktor yang dipamerkan dalam seni potret.

Pelukis pada masa kini didepani dengan pelbagai cabaran dan rintangan dalam perubahan masa ke semasa, bagi memastikan negara kita kaya dengan seni lukisan terutama seni potret. Kita dapati banyak negara yang hebat dan maju dengan seni lukis seperti di United Kingdom, China, Jepun dan juga Indonesia.

Setiap pelukis berbeza tekniknya dalam karya dari segi stroke dan menggunakan warna. Kesemua pelukis mempunyai matlamat yang sama dalam menghasilkan lukisan yang menarik mengikut gaya tersendiri. Oleh itu, pengkaji

mengambil langkah untuk menumpukan pada karya pelukis tempatan dengan gayanya dalam penghasilan karya.

Bagi mengukuhkan lagi pengumpulan maklumat, pengkaji telah menggunakan buku dan laman web, blog pelukis Latiff Maulan sebagai rujukan dalam kajian ini yang berkaitan skop kajian. Seterusnya, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis dokumen bagi membuktikan dan memperkuatkan lagi hujah dan juga kandungan dalam kajian ini. Pengkaji turut merujuk kajian lepas dengan membaca dan memahami dalam isi kandungan kajian.

ABSTRACT

This study explores the composition, elements and principles of art in the series by Latif Maulan in producing a portrait painting or known as face painting in addition to studying the implicit meaning that exists in the production of Tales of Apocalypse.

This study focuses on the work of Latiff Maulan selected. One of the titles of the works studied is "Tales Of Apocalypse". Researchers selected 4 works in the Tales of Apocalypse series. A study through the literature review related to paintings and catalogs and articles became an important source of reference to study the composition, elements and principles of art in Latiff Maulan's work. His works are a stream of Hyperealism. This work needs to be developed in contemporary art in Malaysia which should be studied and recorded.

Problems in the search for the meaning of the work is difficult to explain accurately but through analysis, themes, elements and principles in art can focus on knowing the meaning implied in Latiff Maulan's series "Tales Of Apocalypse". Based on the analysis studied, his work represents the life of the environment and nature. With the perfect combination of figures can be given its own symbolic meaning that is

characterized by modern art. In addition, his experience throughout being a painter became one of the factors exhibited in portrait art.

Painters today are faced with various challenges and obstacles in changing over time, to ensure that our country is rich in painting, especially portrait art. We find many great and developed countries with art such as in the United Kingdom, China, Japan and even Indonesia.

Every painter has different techniques in his work in terms of stroke and the use of color. All painters have the same goal in producing interesting paintings in their own style. Therefore, researchers take steps to focus on the work of local artists with their style in the production of works.

To further strengthen the collection of information, researchers have used books and websites, blog artist Latiff Maulan as a reference in this study related to the scope of the study. Next, the researcher also used the method of document analysis to prove and strengthen the arguments and content in this study. Researchers also refer to previous studies by reading and understanding in the content of the study.

BAB 1

1.0 PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Lukisan potret merupakan lukisan yang menggambarkan wajah seseorang. Lukisan potret adalah pelukis melukis dalam subjek bentuk visual dalam sesebuah karya seni potret. Menurut web Harian Nasional, Lukisan potret dianggap peniruan iaitu imitasi dari gambar yang sebenar. Imitasi ini bermaksud penghasilan karya berdasarkan peniruan dari subjek atau gambar asal. Ia dikenali sebagai lukisan realisme atau hyperrealisme. Dalam penyelidikan ini dalam siri karya “*Tales Of Apocalypse*” adalah aliran hyperrealisme. Aliran karya ini menekankan peniruan imej subjek dan gambaran imej adalah berdasarkan sesuatu yang nyata. Pelukis menitikberatkan foto dalam karya dari pelbagai aspek iaitu komposisi dan pencahayaan yang betul.

Kajian ini bertujuan dalam mengkaji komposisi elemen dan prinsip seni berdasarkan karya pelukis iaitu Latiff Maulan dalam siri karya *Tales Of Apocalypse*. Komposisi dalam sesuatu karya amatlah penting untuk menghasilkan karya yang sempurna. Selain itu, kajian ini ditegaskan dalam mengenal pasti elemen dan prinsip seni dalam lukisan. Di mana pelukis itu tersendiri mempunyai cara, dan teknik sebelum dan semasa menghasilkan karya tersebut. Hal ini pengkaji cuba menerapkan komposisi dan elemen dan prinsip seni pada karya seseorang pelukis.

Selain itu juga, pengkaji menggunakan kaedah metodologi kualitatif melalui sumber pembacaan dan pemerhatian. Selain itu, sumber web membantu pengkaji dalam mengumpul data tambahan dan dapat menguatkan lagi dalam kajian. Melalui pembacaan, pengkaji ingin merungkai komposisi, elemen dan prinsip seni pada karya Latiff Maulan “*Tales Of Apocalypse*”. Oleh itu, kajian ini membantu selesaikan masalah yang dihadapi oleh pengkaji.

1.2 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Pelukis yang dikaji adalah Abdul Latiff Maulan. Beliau lahir pada 1974 di Kampung Lebu. Beliau lebih suka kepada kedamaian, dan suasana alam semulajadi.

Pada 1991, beliau telah menamatkan di sekolah menengah Bentung. Beliau pernah bekerja sebagai pereka artis tampilan. Ketika itu, beliau tidak terfikir untuk menjadi artis seni. Beliau mempunyai bakat dalam bidang seni. Beliau ditawarkan menjadi Artis Residen di salah sebuah galeri di KL. Lukisannya mendapat sambutan dan terjual.

Pada tahun 2000, beliau telah mengembara ke Amerika Syarikat dan menghabiskan masa di New York. Beliau suka kepada persekitaran dan mengunjung galeri, termasuk Muzium Seni Moden. Cita-cita beliau adalah untuk menghasilkan lukisan 'Photorealism'. Ketika beliau berada di New York, beliau diundang untuk memperkenalkan karya seni beliau di 'Collector's Party' di Galeri Excel di Columbus Avenue, di situ lah lukisan beliau terjual.

Pada tahun 2002, beliau melihat tawaran 'cuti kerja' sebagai Pereka Grafik di UK. Latif Maulan tidak mahu membuang peluang ini untuk meluaskan pengalamannya. Dengan itu, beliau menghabiskan lebih kurang satu tahun di UK dalam meneroka seni dan budaya orang Eropah.

Beliau dapat kembali ke UK pada awal tahun 2003 selama kira-kira enam bulan. Latif Maulan menghabiskan masa di Plymouth, yang berada di barat daya negara ini. Bahagian selatan mempunyai hubungan yang kuat dengan semua seniman, dengan banyak 'sekolah seniman' yang terkenal, seperti Sekolah Baru dan Sekolah St Ives.

Semasa beliau di UK beliau berkesempatan mengunjungi Perancis dan Itali dan bertemu dengan banyak artis tempatan. Beliau rasa ada keperluan untuk menunjukkan pelbagai jenis konsep agar seseorang dapat bersatu dalam keseimbangan yang sempurna.

Beliau menyatakan dalam blognya, seniman mempunyai latar belakang budaya dan kepercayaan masing-masing, tetapi masing-masing mempunyai keunikan.

Latif Maulan berpendapat bahasa seni adalah universal bagi semua umat manusia. Ini menyatukan pelbagai etnik, budaya dan bangsa. Oleh itu, membuat karya seni dalam pelbagai bentuk dan medium menjadikan dunia seni menjadi lebih menarik. Tetapi kepelbagaian positif ini kadang-kadang terhakis oleh budaya yang cenderung melihat dirinya lebih unggul daripada yang lain. Yang lebih penting bukan pelaksanaan karya seni tetapi pemikiran di belakangnya. Latif Maulan kembali ke Malaysia pada Julai 2003 untuk meneruskan kerjaya sepenuh masa sebagai artis.

Sebelum tahun 2006, karya seni beliau hanya berdasarkan pada kehidupan dan alam semula jadi yang hanya berdasarkan keindahan visualnya. Pengumpul membelinya kerana cantik dan senang digantung di dinding. Bunga kelihatan sangat nyata sehingga anda ingin menjangkau dan menyentuhnya.

Seterusnya, beliau mendapati bahawa beliau dapat melakukan perkara yang sama dengan lukisan hidup seperti kaca dan botol plastik. Tidak kira apa ju masalahnya, objek itu harus menonjol seperti ibu jari yang sakit di tengah-tengah buah dan kain batik yang mengalir. Beliau lebih berminat untuk memperincikan barang-barang rumah setiap hari yang tergeletak di sekitar dapur.

Oleh itu, pameran solo pertama Latif Maulan pada tahun 2006, beliau menyedari bahawa beliau harus memberikan beberapa mesej melalui lukisannya. Jadi, beliau menjelajah ke dunia nyata, di luar ketenangan kehidupan seharian, ada alam semesta yang selari gelap, menyeramkan dan tidak tahan.

2.0 MASALAH KAJIAN

2.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Pengkaji memilih Latif Maulan sebagai inspirasi kerana beliau merupakan artis seni moden pada abad ini. Yang paling menarik, lukisan beliau lebih kepada seni *Hyper Realistic* atau dikenali sebagai lukisan seperti foto yang sempurna dengan penghasilan lukisan yang teliti.

Kajian ini mengkaji makna simbolik, komposisi dan elemen serta prinsip seni, representasi dirinya dalam kajian mengenai artis moden di Malaysia iaitu Latif Maulan dalam menyambung generasi ke generasi sekarang dan akan datang. Oleh itu, kekurangan kajian mengenai topik ini, ia relevan dalam mengkaji lebih terperinci. Pengkaji menghuraikan pernyataan masalah yang menjuruskan kepada makna simbolik, komposisi , elemen dan prinsip seni dalam menambahkan pengetahuan dalam seni potret dalam karya artis Malaysia.

Dalam karya Latif Maulan, terdapat konsep budaya tradisi yang buat pengkaji berasa menarik iaitu kain batik yang terdapat dalam lukisannya. Ternyata batik yang merupakan seni tradisi kini berupaya menjadi sebahagian komponen seni lukis moden Malaysia yang mewujudkan inspirasi-inspirasi baru dalam jiwa pelukis dan penghayat seni. Keupayaan teknik batik mahupun batik itu sendiri tidak perlu wujud sebarang kesangsian dan keraguan lagi.

3.0 RUMUSAN MASALAH

3.1 RUMUSAN MASALAH

Seni potret adalah lukisan yang juga penting dalam seni lukis dalam membangunkan generasi ke generasi sebagai pelapis pelukis seni. Dengan ini, ia akan dapat menyumbang sedikit sebanyak dalam bidang seni dan pembangunan negara.

Dalam abad ini, dunia semakin mencabar dan perlu dikejar masa ke semasa bagi memajukan negara dalam bidang seni dalam kalangan dewasa dan kanak – kanak.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

4.1 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus terhadap karya Latif Maulan iaitu “Tales Of Apocalypse” dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia. Terdapat beberapa aspek yang masih menimbulkan beberapa persoalan iaitu :

1. Apakah makna simbolik yang ada dalam siri karya “Tales of Apocalypse”?
2. Apakah elemen dan prinsip seni yang terdapat dalam siri karya “Tales of Apocalypse”?
3. Bagaimana kepelbagaian komposisi terdapat dalam siri karya “Tales of Apocalypse”?
4. Bagaimanakah karya latiff maulan sebagai representasi kepada dirinya?

5.0 ISTILAH PENYELIDIKAN

5.1 DEFINISI KOMPOSISI

Komposisi adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan susunan unsur-unsur visual dalam lukisan atau karya seni lain. Komposisi merupakan teknik reka letak objek dalam membahas bagaimana menyusun atau mengurus unsur – unsur rupa supaya menarik bila dipandang. Komposisi yang betul akan menambahkan lagi hasil karya yang menarik. Komposisi juga adalah menghasilkan atur susun sehingga menjadi harmonis, menarik dan sesuai dalam kedudukan karya. Prinsip komposisi dalam karya termasuklah “Unity” (kesatuan), “Harmony” (keselarasan), “Balance” (perbandingan), “Rhythm” (irama). Selain itu, komposisi ini juga merupakan susunan unsur atau elemen dalam seni yang sangat berkait rapat dalam penghasilan seni khasnya seni potret. Antaranya ialah titik, garisan, ruang ,bentuk, tekstur, dan warna.

Selain itu, komposisi juga merujuk kepada gubahan atau reka bentuk dan penyusunan elemen dan dikaitankan kepada latar belakang sesuatu imej. Subjek imej yang baik adalah hasil dari penelitian kepada asas elemen komposisi dengan penyesuaian cahaya dan subjek yang menarik. Dalam penghasilan sesuatu imej yang pentingnya ialah mesej yang hendak disampaikan.

Setiap pelukis hyprealistik yang melibatkan imej akan meneliti imej atau foto yang menarik bagi menghasilkan karya lukisan yang menarik. Contohnya melalui pencahayaan. Pelukis akan mencari kesan pencahayaan yang baik intuk dilihat nyata dalam lukisan tersebut. Selain itu, pelukis akan mencari arah yang menarik (*point of interest*) dalam imej yang ingin dilukis. Setelah dapat mengenalpasti bahagian yang paling penting dan ingin pelukis fokuskan, barulah pelukis melakukan proses melukis, ia perlu dititik beratkan tentang komposisi dalam aliran hyperrealisme. Dalam karya hyperrealisme ini, pelukis memberi penekanan tentang subjek bagi menarik audiens terlihat lukisan dengan nyata. Pelukis lebih menumpukan subjek depan.

Seterusnya, komposisi yang bagus menyatukan kesempurnaan pada sesebuah karya lukisan. Setiap objek boleh dibuat dengan indah tetapi jika tidak menekankan kepada komposisi. Gambar tersebut akan terasa seolah – olah tidak betul dan tidak seimbang. Mungkin berjam – jam menghabiskan untuk melukis objek pada lukisan untuk kelihatan nyata tetapi komposisi tersebut akan membuat kita berfikir kembali. Dalam komposisi ini, terdapat prinsip yang perlu dilakukan oleh seseorang pelukis untuk menjadikan lukisan tersebut sempurna. “*Focal Point*” adalah memainkan peranan penting dalam komposisi. Titik tumpuan adalah tempat dititik beratkan dalam lukisan. Pelukis menggunakan pelbagai teknik untuk membentuk kawasan di mana mereka ingin audiens atau penonton melihat terlebih dahulu. Kawasan titik tumpuan tersebut mempunyai warna pelengkap pada karya. Garisan sekitar objek boleh digunakan yang dapat membantu mengarahkan mata ke titik fokus. Di samping itu, “*Focal Point in Center*” atau dikenali sebagai pusat tengah titik tumpuan. Terdapat peraturan iaitu peraturan ketiga ‘*rule of thirds*’ dan peraturan bahagian emas ‘the golden section’.

Dalam komposisi, pelukis juga menekan karya dalam aspek arah (Direction of Movement) Apabila subjek itu bergerak – gerak contohnya binatang atau manusia, pelukis memberi ruang di hadapan subjek untuk kelihatan seperti keluar daripada lukisan itu.

Komposisi berbeza dari subjek lukisan. Setiap lukisan, sama ada abstrak atau perwakilan, tanpa mengira perkara, mempunyai komposisi. Komposisi yang baik adalah penting untuk kejayaan lukisan. Selesai dengan jayanya, komposisi yang baik menarik penonton di dalam dan kemudian menggerakkan mata penonton di seluruh lukisan supaya segala-galanya diambil, akhirnya menetap pada subjek utama lukisan itu.

Dalam catatannya, Henri Matisse menjelaskan kaedah ini: “*Komposisi adalah seni mengatur dengan cara yang hiasan dengan pelbagai elemen pada perintah pelukis untuk menyatakan perasaannya.*”

5.2 DEFINISI ELEMEN DAN PRINSIP SENI

Unsur seni merupakan elemen – elemen Bahasa dalam seni visual. Unsur seni adalah aspek yang penting dalam mencipta dan pemahaman dalam sesuatu karya. Pemahaman secara teori dan juga praktikal ini dapat mempengaruhi penghasilan dan pemahaman dalam sesuatu karya. Dalam unsur seni terdapat garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang dan warna.

Selain itu, prinsip seni juga ditakrifkan sebagai kaedah atau gubahan unsur seni untuk menimbulkan sesuatu gambaran dalam gubahan dalam karya seni. prinsip seni termasuklah harmoni, kontra, penegasan,imbangan, irama dan pergerakan,kepelbagaian dan kesatuan.

5.3 DEFINISI TALES

Perkataan *Tales* dalam Bahasa melayu merujuk kepada kisah, cerita dalam bentuk karangan. Samaada kisah nyata atau fantasi. Ia dapat dikaitkan dengan peristiwa yang menarik.

Selain itu, Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan *tales* merupakan hal cerita, kejadian, dalam kisah watak dan kejadiannya melambangkan atau menedani sesuatu, berkisah menyampaikan sesuatu kisah.

5.4 DEFINISI APOCALYPSE

Perkataan *Apocalypse* bermaksud lebih kepada kehancuran dunia. Selain itu, *Apocalypse* ini merupakan kiamat menyebabkan sejumlah besar kerosakan sehingga dunia berakhir. Hari Kiamat adalah hari yang digambar kepada kemusnahan seluruh alam dan bumi dan juga kebangkitan semula. Kiamat berasal dari perkataan Bahasa

arab bermaksud bangkit atau bangun. Selain itu, dalam Bahasa arab adalah "As-Saa'ah" yang bermaksud kehancuran alam semesta berserta dengan isinya.

Selain itu, perkataan *Apocalypse* ini juga merupakan satu kepercayaan dalam agama samawabi termasuk Yahudi, Kristian, dan Islam. *Apocalypse* didefinisikan dalam tulisan Yahudi dan Kristian seperti Kitab Wahyu, buku terakhir dalam Kitab Suci, yang meramalkan peristiwa di akhir dunia. Perkataan "*apocalypse*" ini berasal dari perkataan Yunani "*apocalupsis*" yang bermaksud "membuka, menyingkapkan, menyingkirkan tutup."

6.0 HIPOTESIS

6.1 HIPOTESIS

Kajian ini bertujuan menguji hipotesis seperti berikut:

Kekurangan sumber rujukan seni potret dalam kalangan tempatan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan terutama cara penggunaan medium seperti cat minyak atau akrilik dalam karya yang dapat menghasilkan pelbagai hala reaksi daripada audiens atau pemerhati. Kebanyakan rujukan yang dirujuk oleh pengkarya adalah karya lukisan dari barat.

7.0 OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Objektif penyelidikan kualitatif ini adalah untuk mentafsir. Dalam istilah lain, kajian ini cuba memahami isu-isu utama berikut dalam karya seni yang dipilih dari kedua-dua aspek dalaman dan luaran berikutan peribadi dan penyempurnaan dengan kajian.

1. Mengkaji makna yang ada dalam siri karya “Tales of Apocalypse”
2. Mengenal pasti elemen dan prinsip seni yang terdapat dalam siri karya “Tales of Apocalypse”
3. Mengkaji kepelbagaian komposisi terdapat dalam siri karya “Tales of Apocalypse”
4. Menganalisis karya latiff maulan sebagai representasi kepada dirinya.

8.0 MANFAAT PENYELIDIKAN

8.1 MANFAAT PENYELIDIKAN

Kajian penyelidikan ini memberi manfaat yang berguna kerana kajian ini membantu pelukis dalam menghadapi zaman kontemporari dalam seni potret. Pada akhir kajian, pengkaji dapat mengenal pasti kepelbagaian komposisi, elemen dan prinsip seni serta makna simbolik dalam karya yang mempengaruhi *Tales of Apocalypse* berdasarkan karya Latif maulan. Pengkaji didapati dapat membantu dalam memahami karya *Tales of Apocalypse*.

Selain itu, manfaat bagi pengkaji adalah sebagai sumber informasi mengenai makna yang tersirat dalam karya serta komposisi dan elemen, prinsip seni dalam siri karya *Tales of Apocalypse*.

Selain itu, penyelidikan ini dapat penambah wawasan dan pengetahuan mengenai teknik penghasilan komposisi yang betul dan pemilihan elemen prinsip seni dalam menarik minat audiens tentang karya. Dengan kalangan umum, penyelidikan ini dapat menjadi sumber informasi mengenai kepelbagaian komposisi, makna dan juga elemen dan prinsip seni dalam seni potret karya Latif Maulan.

9.0 RUMUSAN

9.1 RUMUSAN

Kajian ini telah memenuhi objektif kajian dan menjawab persoalan dalam kajian.

Kajian ini mengemukakan jawapan kepada persoalan kajian tentang apa itu komposisi , elemen dan prinsip seni, apa makna simbolik dalam karya dan bagaimana karya Latif Maulan sebagai reprsentasi pada dirinya dalam siri karya potret Latif Maulan, *Tales of Apocalypse*. Dalam dapatan kajian ini dikemukakan untuk menjelaskan lagi persoalan dalam kajian. Kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji mempunyai objektif untuk mendedahkan seni potret dalam kalangan remaja dan dewasa. Kajian yang pengkaji laksanakan menggunakan kaedah kualitatif pengumpulan maklumat dan sumber rujukan.

Sesungguhnya kajian ini banyak memberi kesan positif. Melalui kajian ini, pengkaji sendiri telah mengetahui sedikit sebanyak tentang makna simbolik yang terdapat dalam karya ini dan dapat mengetahui lebih teliti tentang komposisi dan elemen dan prinsip seni dalam kajian ini. Kajian ini juga, dapat memberi maklumat tentang pengetahuan yang ada pada pelukis.

Saya telah mendapat pengalaman yang berguna dalam pembelajaran sepanjang kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif dalam usaha mendapatkan maklumat tentang karya ini. Penyelidikan ini dapat membantu penyelidik mengetahui tentang sekeliling.

BAB 2 :

1.0 KAJIAN PUSTAKA

Kajian perpustakaan adalah sebuah penulisan yang diulas termasuk penemuan kajian dan teori dalam sesuatu topik. Kajian Pustaka terdapat jenis rujukan seperti buku, jurnal, artikel, tesis dan karya ilmiah. Kajian Pustaka merupakan kajian sekunder. Kajian Pustaka merupakan kegiatan mencari, membaca dan meneliti laporan yang memuatkan kandungan yang dikaji yang relevan dengan penyelidikan yang akan dilakukan.

1.1 PENGENALAN

Dalam elemen dan prinsip seni merupakan aspek yang sangat penting dalam penciptaan dan perekaan dalam sesuatu karya. Pemahaman secara teori dan juga pemahaman praktikal yang baik akan mempengaruhi hasil karya dalam seni visual. Elemen dan prinsip seni adalah garisan. Garisan merupakan sambungan antara titik yang melalui dari satu kawasan ke kawasan lain. Garisan ini dihasilkan dengan penggunaan pelbagai jenis media dan juga bahan. Garisan adalah terdiri daripada pelbagai jenis garisan, sifat, dan pelbagai kualiti dalam garisan. Garisan mempunyai sifat iaitu lembut, berduri,kasar, licin dan menggerutu. Selain itu, ia juga mempunyai jenis garisan iaitu garisan melintang, garisan menegak, garisan melengkung, garisan berputar, garisan nipis, tebal, dan garisan zig zag. Kualiti pada garisan adalah mutu garisan yang merujuk kepada garisan yang ditentukan oleh pelukis dalam menghasilkan sesuatu subjek.

Selain itu, elemen seni yang ada dalam seni adalah jalinan. Jalinan merupakan kesan kepada sesuatu permukaan sama ada semula jadi atau benda buatan manusia. Jalinan ini dapat dikesan melalui deria sentuh dan deria tampak. Penghasilan jalinan dalam seni mempunyai penyampaian mesej dan makna dalam sesebuah karya. Jalinan sentuh ini adalah sesuatu keadaan permukaan yang dikesan menggunakan deria

sentuh. Contohnya, daripada kesan jalinan sentuh adalah kesan kasar, berbulu, dan juga berduri.

Rupa merupakan salah satu elemen dalam unsur seni. Rupa adalah garisan luar sesuatu benda. Garisan luar itu akan bertemu pada satu titik ke satu titik yang sama. Rupa adalah sifat dua dimensi dan juga rata. Terdapat dua jenis rupa iaitu rupa geometri dan rupa organik.

Selain itu juga, elemen warna amat penting dalam karya bagi membezakan sesuatu imej dalam penghasilan karya. Warna berkait rapat dengan emosi dan perasaan seseorang kerana mempengaruhi suasana. Menurut Pengkaji dunia Melayu, Dr Mohd Faizal Musa berkongsi dan mengupas kesemua itu dalam artikel Berita Media. Beliau menyatakan "*Hakikatnya, ramai yang akan terkejut jika diberitahu bahawa ada 26 jenis warna merah dalam bahasa Melayu, selain - 15 jenis warna hitam, 14 jenis warna kuning, 12 jenis warna putih dan 11 jenis warna biru. Hakikatnya, orang Melayu mempunyai kepekaan dan kehalusan yang sungguh luar biasa dalam soal warna sehingga membuktikan peradabannya yang tinggi*" Menurut beliau lagi terdapat masyarakat kita hanya mengenal empat jenis warna sahaja iaitu hitam, putih, merah, dan hijau.

Menurut Profesor Asmah Haji Omar dalam buku 'Bahasa Malaysia Saintifik' (2005). Beliau menyatakan untuk menggambarkan warna biru bagaimanapun orang Melayu memperincikan warna hijau dan ditemukan antara lain - hijau langit, hijau laut, hijau telur itik, hijau daun, dan hijau pucuk pisang. Sementara merah pula diperincikan dengan warna emas merah, merah padi dan merah cahaya matahari.

Prof Asmah namun demikian menekankan terdapat juga pengiktirafan terhadap warna kuning dan kelabu sementara warna ungu, jingga dan coklat dikenali kemudiannya setelah diketengahkan kepada masyarakat Melayu oleh masyarakat luar.

Selain itu, melalui warna juga dapat mewujudkan simbol penyampaian sesuatu imej. Contohnya, marah, sedih dan ceria. Warna mempunyai kriteria penting dalam sesebuah karya iaitu jenis-jenis warna, suhu warna, skema warna dan nilai warna.

Terdapat jenis-jenis warna iaitu warna asas, warna sekunder dan warna tertier. Warna asas merupakan warna yang utama. Warna asas ini terdiri daripada merah, kuning dan biru. Dengan campuran warna ini, ia dapat menghasilkan warna yang menari dan pelbagai warna. Jenis warna yang dapat dihasilkan melalui campuran warna asas adalah warna sekunder dan warna tertier. Warna sekunder merupakan warna yang dihasilkan daripada campuran dua warna asas. Contohnya biru yang dicampurkan dengan hijau maka terhasillah warna hijau. Warna merah yang dicampur biru akan menghasilkan warna ungu. Manakala merah yang dicampur kuning akan menghasilkan warna jingga. Di samping itu, warna tertier adalah warna yang terhasil daripada campuran warna asas dan warna sekunder. Campuran daripada warna asas akan menghasilkan pelbagai warna. Campuran warna dalam karya amatlah penting dalam menghasilkan karya.

Dalam warna juga terdapat suhu warna di mana warna ini terdiri daripada warna panas dan warna sejuk. Suhu warna ini dapat dirasai oleh deria penglihatan dan perasaan seseorang apabila melihatnya. Akan tetapi, suhu warna ini tidak boleh dirasai melalui deria sentuhan seseorang.

Terdapat nilai warna dalam sesuatu karya. Unsur penyatuan warna dan nilai adalah antara yang paling kuat untuk mata. Ini paling jelas dalam komposisi yang mempunyai kompleks reka bentuk atau naratif di mana penggunaan kontras warna atau nilai berulang yang dapat mengikat pelbagai unsur dalam karya seni.

Nilai warna ini menjadi ukuran kekuatan warna. Contohnya kecerahan atau kegelapan sesuatu warna dalam karya seni. Nilai warna ini terdiri daripada ton warna dan warna kroma. Ton warna ini adalah kesan pancaran terang dan gelap dalam sesuatu

warna. Jika satu warna yang dicampur dengan warna putih, ia akan menghasilkan warna cerah dan jika satu warna dicampur dengan warna gelap seperti warna hitam, ia akan menghasilkan warna menjadi lebih gelap.

Manakala warna kroma adalah nilai ukuran warna. Campuran daripada warna penggenap akan menghasilkan nilai ukuran sesuatu warna. Nisbah campuran ini akan menentukan kadar nilai kuasa sesuatu warna. Nilai ukuran dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu cerah,sederhana,dan pudar. Seterusnya, dalam warna terdapat skema warna iaitu kombinasi warna – warna yang harmoni. Kesesuaian pemilihan warna akan menghasilkan warna pelbagai tema atau suasana. Kepadanan warna yang sesuai dipilih mengikut skema warna tersebut. Dalam kombinasi warna dalam skema warna ia dapat menimbulkan suasana yang menyegarkan, aman, hangat, dan ceria. Kombinasi yang sesuai, ia dapat merujuk kepada kombinasi warna yang kontra, nilai warna, suhu warna. Tujuannya ialah dapat menimbulkan suasana harmoni dalam pemilihan warna yang digunakan.

Dalam seni, terdapat prinsip seni iaitu harmoni. Harmoni adalah persamaan dalam satu kumpulan. Harmoni dapat menghasilkan dengan pelbagai pengolahan. Contohnya garisan, rupa,jalinan, bentuk dan warna yang berulang. Perulangan ini melalui motif atau corak akan menimbulkan perasaan selesa, dan tenang. Selain itu, kepelbagaian juga merupakan salah satu daripada prinsip seni. Kepelbagaian ini merujuk kepada kepelbagaian unsur yang berbeza dalam sesuatu karya. Perbezaan kepelbagaian dibentuk oleh olahan prinsip rekaan yang berbeza seperti kadar banding, keseimbangan, penegasan dan pergerakan. Kepelbagaian ini akan menimbulkan variasi dalam sesuatu karya. Selain itu, kepelbagaian wujud dengan olahan yang mempunyai nilai kontra. Kontra tersebut terhasil daripada gubahan dalam karya atau keadaan yang mempunyai ciri – ciri yang bertentangan antara satu sama lain. Kontra ini akan memberikan penegasan dalam karya.

Di samping itu, prisnip seni dalam keseimbangan. Imbangan ini bermaksud imbangan antara dua bahagian sesuatu benda. Keseimbangan ini menjelaskan kedua-dua belah bahagian mempunyai persamaan. Contohnya, kiri dan kanan, atas dan bawah. Hal ini keadaan persamaan dan keadaan dari kedua dua belah dari segi berat, dan tumpuan pemerhatian. Imbangan ini terdapat dua jenis imbangan. Imbangan simetri dan imbangan tidak simetri.

Kadar banding dalam karya juga memainkan peranan yang penting. Kadar banding adalah ukuran pada setiap bahagian antara bahagian yang lain secara keseluruhan.

Seterusnya, penegasan. Penegasan ini bermaksud berpengaruh. Dalam karya seni, merujuk kepada aplikasi unsur seni, tema, imej, teknik yang paling banyak diberikan penekanan pada sesuatu karya dan paling menonjol adalah penegasan. Imej yang dominan dapat memberikan penegasan utama dalam karya.

1.2 MAKNA SIMBOLIK TALES OF APOCALYPSE

Tales of Apocalypse adalah karya 2018 yang telah di pamerkan di sebuah pameran seni. Dengan aliran hyperrealisme ini, teliti dari sudut karya lukisan dipamerkan mencipta satu ilusi yang baru dengan menekankan elemen seni lukis. Dalam karya ini, pelukis berjaya dalam menyampaikan makna tersurat dan tersirat dalam konteks alam berserta figura melalui gaya penampilan imej lukisan yang dilukis secara hyperrealistik. Media catan yang digunakan merupakan media yang sangat sesuai untuk menghasilkan imej yang teliti serta pengolahan warna yang dapat mewujudkan suasana yang sebenar dengan kehancuran dunia. Beliau menyatakan dalam laman sosialnya, dalam karya ini ia melibatkan emosi kemanusiaan melalui ekspresi dalam lukisan. Menggunakan subjek ekspresi percikan air dalam situasi yang berbeza, unsur alam dan manusia ia dapat digambarkan dalam satu hubungan yang dilengkapi. Dalam pameran ini, salah satu hasil

pemerhatian yang dapat dilihat adalah subjek air. Titisan air itu melambangkan keyakinan dan boleh memberikan kesegaran dalam lukisan yang dapat dirasai dengan kehidupan dan susasana sebenar.

Selain itu, seperti yang kita tahu, batik dan juga kain sarung melambangkan budaya masyarakat melayu dan ada nilai warisan. Pelukis Latif maulan mengatakan kain batik dan kain sarung ini juga adalah melambangkan kasih sayang yang kuat dan ingatan sentiasa dibelai oleh ibu dan bapa. Kain sarung dan batik juga melambangkan budaya melayu yang terpahat di jiwa pelukis.

Dalam penekanan dan penelitian dari aspek teknikal dan proses berkarya, pelukis iaitu Latif Maulan meletakkan makna dan juga mesej yang dapat memberi tindak balas kepada pemasalahan yang berlaku kepada alam impak dari perbuatan manusia itu sendiri. Permasalahan global yang berkaitan alam sekitar dan perubahan cuaca adalah salah satu isu yang cuba dibawa dan bagaimana ianya memberi kesan dalam kehidupan seharian dan ianya juga adalah seperti satu petanda yang buruk untuk masa hadapan.

Menyelami makna kehidupan dan alamnya, dalam karyanya Latif maulan mengajak masyarakat menyedari dan membuka mata dalam memahami malah berbaik dengan alam dan persekitaran. Melukis figura manusia yang sempurna samalah seperti satu landskap alam tidak dicemari dan terpelihara. Harapan beliau dalam karya ini adalah supaya *Tales of Apocalypse* ini dapat memberikan peringatan dan tanggungjawab manusia kepada alam dan menikmati keindahan karya.

1.3 KOMPOSISI DALAM SIRI KARYA TALES OF APOCALYPSE

Komposisi dalam penghasilan karya amat penting dalam memainkan arah fokus pemandangan terhadap penonton dalam menyampaikan mesej dalam karya *Tales of Apocalypse*. Menurut Michael Zurakhinsky (2009) Cezanne menganggap dan

berpendapat komposisi, garis, dan warna adalah membentuk satu dan perkara yang sarna, atau dari aspek-aspek yang tidak boleh dipisahkan dalam menyatakan bagaimana mata manusia sebenarnya mengalami alam semula jadi. Pencapaian seimbang dalam karya *Tales of Apocalypse* ini adalah elemen dan prinsip seni boleh dimanipulasikan untuk mempengaruhi pembahagian berat. Setiap artis mempunyai cara penjelasan yang berbeza bagaimana mereka membuat komposisi yang sempurna.

Sesuatu komposisi mempunyai garis panduan. Dalam karya *Tales of Apocalypse*, pelukis menggunakan titik tumpuan atau dikenali sebagai *Focal point*. Pelukis menumpukan kawasan di mana mereka mahu audiens melihat terlebih dahulu. Contohnya, objek figura lebih dekat dengan latar belakang, dan mempunyai warna lebih terang sebagai pelengkap. Garisan pada karya figuranya juga dapat membantu mengarahkan mata ke titik fokus.

Titik tumpuan ini memerlukan perhatian di mana mata penonton ditarik dalam menarik ke dalam sesuatu karya. Ini adalah kaedah pelukis dalam menarik perhatian audiens dalam kandungan karya tersebut. Dalam satu karya kebanyakannya mempunyai sekurang –kurangnya satu titik fokus, akan tetapi ia juga boleh mempunyai tiga titik fokus dalam sebuah karya.

Titik fokus ini berdasarkan kepada proses di mana mata manusia benar – benar melihat, yang dapat memberi tumpuan kepada satu perkara dalam visual dalam satu masa. Dalam karya ini, pelukis menggunakan pusat titik tengah atau dikenali ‘*Focal point in the center*’ dan titik tumpuan ‘*Golden section*’.

Dalam siri karya I, II dan IV *Tales of Apocalypse*, pelukis menggunakan titik tumpuan di tengah (*Focal Point in the center*) dengan pusat menarik di tengah kanvas. Manakala siri karya III, pelukis menggunakan titik fokus “golden section” di mana figura di hadapan kawasan yang paling menarik, ia meletakkan ‘*golden section*’ untuk menekankan subjek figura daripada latar belakang. Dalam karya tersebut mata akan

bergerak dari satu objek ke satu objek yang lain dan menjadikannya kurang statik. Berikut dalam rajah 1 dan 2 di bawah menunjukkan contoh siri karya yang menumpukan '*focal point in the center*' dan titik tumpuan '*golden section*'.



Rajah 1 : *Tales of Apocalypse I,II, IV* Latif Maulan, Cat Minyak



Rajah 2 : *Tales of Apocalypse III* Latif Maulan, Cat Minyak

Tujuan titik fokus ini dapat membantu memberikan makna dalam karya dan juga dapat menyampaikan niat pelukis itu sendiri. Ia adalah pegangan pelukis dalam menentukan titik fokus, campuran warna, nilai, dan juga komposisi dalam menghasilkan titik fokus sebagai penambah makna dalam sesebuah karya. Selain itu, titik fokus ini juga dapat memberitahu kepada audiens tentang cerita atau kisah karya lukisan yang dapat memberi kesan dramatik. Dalam penciptaan titik fokus ini, pelukis dapat mengawal bagaimana karya tersebut dilihat dan dirasa.

1.4 ELEMEN DAN PRINSIP SENI *TALES OF APOCALYPSE*

Seperti yang kita tahu, penggunaan elemen dan prinsip memainkan peranan bagi menghasilkan lukisan yang berkualiti. Penggunaan elemen seni dalam siri karya *Tales of Apocalypse* ini adalah penggunaan jalinan tampak. Jalinan ini bermaksud kesan yang terdapat pada sesuatu permukaan benda semula jadi dan juga buatan manusia. Dalam siri karya I dan II terdapat jalinan tampak. Jalinan tampak ini wujud pada karya dua dimensi pada kain batik buatan manusia. Selain itu, kesan jalinan pada air yang mengalir di wajah dapat menimbulkan unsur kontra dan dapat mewujudkan ilusi cahaya.


Di samping itu, penegasan merujuk kepada suatu yang menjadi tumpuan pada karya. Dalam siri karya III dan IV, karyanya lebih memberi penekanan objek depan dan pemilihan warna yang dominan daripada latar belakang iaitu warna yang berbeza. Contoh dalam siri karya tersebut, pelukis menggunakan warna latar yang agak gelap daripada objek hadapan iaitu figura manusia. Penegasan merujuk kepada objek yang dominan yang menjadi tarikan tumpuan atau yang ditumpukan.

Seterusnya, dalam siri karya *Tales of Apocalypse* mengandungi ruang. Ruang merupakan jarak dua objek yang menjadikan kawasan diantara objek tersebut satu keluasan dan juga kelebaran saiz. Dalam ruang tersebut mewujudkan ruang ilusi atau dikenali sebagai ruang tampak. Contohnya, pada siri karya *Tales Of Apocalypse* III dan


IV, pelukis mewujudkan jarak antara latar belakang yang menggambarkan kemasuhan alam dan objek manusia di hadapan. Selain itu, dalam siri karya I dan II tersebut, kelihatan pelukis ingin menumpukan objek figura di hadapan dan menunjukkan keluasan ruang pada latar belakang yang berwarna putih.

Penggunaan warna memainkan peranan dalam penghasilan siri karya *Tales of Apocalypse*. Dengan adanya penggunaan warna dapat sesuatu karya, ia dapat membezakan antara sesuatu benda dengan yang lain. Dalam karya ini, pelukis menggunakan warna sekunder dan tertier dalam menggabungkan warna agar kelihatan hidup. Dalam siri karya ini, pelukis lebih menggunakan warna panas dengan menggunakan campuran warna seakan warna pada benda nyata. Contohnya warna kulit, dan warna pada titisan air.

Pelukis ini juga menghasilkan warna seakan – akan warna kulit untuk menggambarkan lukisan figura kelihatan hidup dan semulajadi. Setiap pelukis mempunyai teknik penghasilan warna, gerak hati pelukis dan keperibadian yang tersendiri dalam mengatur campuran warna untuk seakan sama dengan objek sebenar. Warna kulit bergantung kepada suasana dan cahaya pada figura.



Rajah 3 : Menunjukkan ton warna kulit



Rajah 4: menunjukkan warna sewarna pada siri karya *Tales of apocalypse*

Dalam rajah 3, terdapat contoh ton warna diatas yang menunjukkan penggunaan ton warna pada bahagian figura manusia. Campuran dengan setiap warna akan terhasilnya warna kulit yang seakan hidup dengan subjek asal. Dengan penggunaan warna yang bentuk ia wujud kesan nyata pada lukisan tersebut. Selain itu, penggunaan warna cerah dan suram dapat menimbulkan suasana kehancuran, huru hara dalam persekitaran.

Selain itu, terdapat suhu warna dalam karya ini, Latif Maulan menggunakan suhu warna cerah dan gelap iaitu dengan campuran jenis warna sekunder dan warna tertier pada bahagian figura. Di mana suhu warna cerah terletak pada figura manusia iaitu warna kulit dan suhu gelap terletak kepada latar belakang lukisan.

Seterusnya, dalam siri karya tersebut terdapat perbezaan saiz objek di bahagian hadapan dan belakang dapat dilihat ilusi dengan jelas. Ia bermakna, penghasilan karya pelukis ini berjaya membuatkan audiens tertarik dengan ilusi karya dengan kelihatan nyata.

1.5 KARYA LATIF MAULAN SEBAGAI SATU REPRESENTASI KEPADA DIRINYA

Setiap karya pelukis mempunyai cerita yang berbeza dan berbeza teknik penghasilannya. Dalam setiap karya, mempunyai kesabaran jika pelukis ingin menghasilkan lukisan dengan sempurna, tambahan dalam menghasilkan karya aliran hyperism ini. Beliau merupakan salah seorang artis kontemporari yang dapat dikaitkan dengan identitinya ialah karya-karyanya yang berkonsepkan hyperrealism foto yang memberi suatu kesan tampak yang tepat keadaan asal subjek yang dipilih.

Yang paling pengkaji tertarik adalah percikan air dalam karya Tales of Apocalypse. Mengapa dalam karya Latif Maulan sering terdapat titisan air, kain batik dan kain sarung? Latif Maulan adalah seorang yang suka kepada titisan dan percikan air, kain baik dan kain sarung dan ini adalah identitinya.

BAB 2

1.0 PERBANDINGAN KAJIAN

Banyak genre yang terdapat dalam seni termasuk pada seni rupa yang berusaha menghidupkan suatu karakter dalam karya dengan sesuatu teknik. Hyperrealisme adalah pencubaan untuk membuatkan karya realism ke peringkat lebih tinggi.

Pelukis figura Dato' Hossein Enas dari Indonesia. Dalam lukisan beliau ia lebih meneliti kejadian alam dan keindahan wajah dan menitik beratkan budaya tempatan. Karya beliau banyak menyampaikan lukisan wajah dalam membawa mesej budaya. Dalam karya Latif Maulan, terdapat sedikit persamaan iaitu penghasilan karya tentang budaya melayu. Dalam siri karya *Tales of Apocalypse I,II*, terdapat seorang perempuan yang memakai kain batik dan kain sarung. Beliau menyatakan lukisan itu melambangkan kasih sayang yang kuat oleh ibu dan bapa dan juga melambangkan budaya melayu yang terpahat di jiwanya.

Menurut pandangan Claudio bravo artist barat dalam artikel *New York Times*, “*The photorealists, like machines, copied directly from photographs,*” katanya kepada majalah Americas pada tahun 2001. “Selalunya saya bergantung pada subjek sebenarnya kerana mata melihat lebih banyak daripada kamera iaitu nada separuh, bayangan, perubahan minit dalam warna atau cahaya”

Dirk Dzimirsky adalah seniman Jerman yang terkenal dengan aliran lukisan hiperrealistiknya yang menggambarkan manusia dalam suasana seni yang agak gelap, tanpa henti mengungkapkan tragedi keadaan mereka. Karya seni beliau berdasarkan pemilihan foto. Semua perincian lukisan dan komposisi cahaya dan bayangan yang nyata bertujuan untuk mewujudkan perasaan yang dramatik dan emosi yang kuat untuk penonton.

Beliau menyatakan sering mendengar bahawa lukisan beliau kelihatan seperti gambar tetapi sebenarnya menggunakan pendekatan patung yang berbeza dengan

pendekatan optik. Beliau menganggap karyanya sebagai arca dalam 2D dan bukannya sebagai karya hiperism atau gambar realistik.

Biasanya beliau mulakan dengan lakaran atau idea asas. Sebaik sahaja beliau menemui model yang sesuai untuk idea-idea itu, beliau melangkah mengatur kepada proses pemotretkan. Beliau membuat semua gambar rujukan sendiri. Suasana lukisan hitam putih sangat berbeza dengan lukisan berwarna.

Secara konseptual karya beliau dalam aliran realistik cukup menarik, contohnya 'Valley of Fear'. Dengan penghasilan komposisi yang menarik. Pelukis barat ini mengatakan idea berkembang melalui unsur-unsur tertentu dan mencari komposisi yang baik. Selepas idea awal, seseorang lebih mementingkan aspek praktikal kerja iaitu komposisi, skema warna atau mengimbangi cahaya dan gelap. Makna dan tafsirannya adalah tugas penonton.

Selain itu, dalam artikel Mail Online News, artis hyperrealism, Paul Cadden dari Scotland. Walaupun kelihatan seperti mereka telah dirakam pada kamera dalam lukisan itu, hakikatnya gambar yang dilukis dengan tangan yang dilukis kelihatan hidup walaupun hanya menggunakan pensel. Dalam karya pelukis ini, terdapat persamaan karya pelukis yang dikaji Latif Maulan, melalui titisan air di wajah. Namun, teknik Paul Cadden ini kebanyakannya lukisannya lebih menghasilkan lukisan wajah hitam putih.

Dari kerutan di wajah wanita, kepulan asap dari rokok atau air yang menitis, ia digambarkan kelihatan sangat realistik. Beliau menyatakan Hyperrealisme lahir dari idea fotorealisme iaitu lukisan berdasarkan gambar tetapi dibuat dalam media bukan fotografi.

Beliau berpendapat Hyperrealisme ini cenderung menimbulkan kesan emosi, sosial dan budaya dan berbeza dengan fotorealisme yang jauh lebih teknikal. Beliau mengambil objek dan pemandangan orang setiap hari dan membuat gambar yang membawa kesan kepada ekspresi emosi. Menurut beliau dalam artikel Mail Online, beliau

cuba mengkaji aspek dalaman gambar daripada hanya memusatkan perhatian pada bahagian luaran.

BAB 3

METODOLOGI

Prosedur berikut diambil kajian semasa untuk menganalisis dan akhirnya menafsirkan penemuan sehingga mendapat jawapan soalan yang diajukan. Pengkaji akan menganalisis sehingga dapat mengetahui dan mengklasifikasikan eviden dalaman dan luaran. Kaedah yang saya pilih dalam penyelidikan ini adalah kaedah kualitatif iaitu kajian yang menggunakan maklumat. Data kualitatif pengkaji peroleh melalui pemerhatian.

3.1 BATASAN SKOP

a) Batasan objek penelitian

Kajian ini menumpukan kepada makna , komposisi, dan elemen serta prinsip seni dalam karya *Tales of Apocalypse*. Tujuan karya ini pilih kerana kehebatan dari segi idea, dapat menarik minat seseorang tentang karyanya. Karya ini dilukis oleh Latif Maulan pada tahun 2018.

3.2 DATA

1.1 Jenis data

a) Pemerhatian

Pemerhatian adalah suatu pemerhatian yang dilaksanakan ke atas satu situasi yang dikenalpasti hasil daripada perancangan yang teliti. Data yang pengkaji peroleh dari sumber sekunder iaitu dalam kaedah kualitatif iaitu dari pemerhatian melalui buku, laman web dan blog pelukis. Kajian kualitatif ini berdasarkan data yang dikumpul dalam

bentuk perkataan, katalog-katalog pameran, karya-karya Latif Maulan dan lain-lain rekod rasmi. Dalam sumber yang didapati oleh pengkaji, pengkaji dapat merungkai dari segi permasalahan dalam kajian tersebut. Pengkaji ingin mendapatkan kepastian yang tepat dalam makna simbolik komposisi, prinsip seni dan representasi dalam dirinya dalam siri karya *Tales of Apocalypse*.

Pengumpulan data bagi penyelidikan kualitatif ini akan dibuat secara berterusan, kerana merupakan satu proses penyelidikan yang lebih menumpukan kepada proses daripada hasil. Data dianalisis secara induktif, iaitu pencarian data bukan untuk membuktikan hipotesis sebelum kajian dimulakan.


3.3. INSTRUMEN UNTUK MEMPEROLEH DATA

Pengumpulan Data. Dalam penyelidikan ini, beberapa prosedur dilakukan dalam memungut data iaitu:

- ii. Individu yang diperhati. Dalam hal ini, penyelidik akan menemubual responden-responden yang terdiri daripada 5 orang seniman pelukis ‘batik painting’ dan 5 orang seniman pelukis ‘painting batik’.
- iii. Hal yang diperhati dan difokuskan dalam temubual. Penyelidikan akan menemubual responden-responden yang terdiri daripada pelukis-pelukis ‘batik painting’ dan pelukis-pelukis ‘painting batik’ berbincang berkaitan dengan pandangan mereka terhadap perkembangan serta permasalahan ‘batik painting’, penerimaan terhadap istilah ‘painting batik’ serta isu batik masa kini. Analisa dan kajian juga akan dibuat terhadap 5 buah karya yang dipilih secara rawak bagi setiap pelukis berkenaan.
- iv. Dokumen. Penyelidikan akan membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen terdiri daripada katalog pameran, buku-buku, keratan akhbar,

majalah dan kertas kerja yang berkaitan dengan ‘batik painting’ serta ‘painting batik’.

v. Bahan-bahan Visual. Interpretasi akan dilakukan terhadap bahan visual seperti karya-karya catan yang dihasilkan oleh setiap responden iaitu yang telah dihadkan kepada 5 buah karya bagi setiap pelukis.



BAB 4

4.0 ANALISIS

4.1 PENGENALAN

Dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan kaedah campuran, mereka adalah strategi penerokaan kualitatif dan kuantitatif. Melalui strategi peperiksaan ini penyelidik telah membezakan maklumat melalui beberapa kaedah utama teknik itu, misalnya tinjauan dan persepsi, pemerhatian dan beberapa maklumat dari teks dan fotografi.

4.2 PENEMUAN PENYELIDIKAN

4.2.1 Pemerhatian

Pemerhatian adalah salah satu strategi dalam penyelidikan yang telah digunakan dalam kajian. Pemerhatian kualitatif merupakan teknik pemerhatian yang mempunyai tahap yang lebih kecil kawalan dalam mengumpul data dan maklumat. Selain itu terdapat pemerhatian secara langsung iaitu teknik mengumpul data dan maklumat. pemerhati dapat berhubung secara langsung dalam situasi yang diperhatikan. Pemerhatian tidak langsung pula merupakan maklumat data yang disediakan oleh sumber yang lain.

Dalam karya saya berinspirasikan daripada Latif aulan. Apa yang yang dapat dari pemerhatian ini ialah, ketelitian dalam berkarya dimana lukisan tersebut seakan akan hidup . selain itu, Latif Maulan mempunyai teknik dan gaya yang tersendiri. Selain itu, beliau mementingkan warna dalam karya tersebut iaitu kesan kotra dalam sesbuah karyanya.

4.3 SUBJEK

Subjek matter merupakan perkara penting yang perlu dipilih sebelum menghasilkan karya. Tajuk karya ialah “The destruction of the world” Subjek yang saya hasilkan adalah wajah seorang remaja dimana ekspresi dalam karya amat dititikberatkan. Gambar model tersebut adalah asli yang telah saya tiru untuk menghasilkan karya mengikut mesej yang ingin saya sampaikan. Dari segi pemakaian dalam karya tersebut, saya mengenakan kain sarung batik. ia dapat melambangkan tradisi dan budaya melayu.

4.4 KONSEP

Konsep merupakan satu unit maksud dalam sebuah idea atau dikenali sebagai unit pengetahuan. Dalam konsep karya saya adalah saya menggunakan konsep dunia dalam kehancuran iaitu menghasilkan karya gaya ekspresi muka kelihatan gelisah, takut, bimbang serta redha dalam menghadapi kehancuran dunia. Tajuk karya “The destruction of the world” atau dikenali sebagai dunia kehancuran adalah ingin menyampaikan mesej tentang dunia sekadar kehidupan yang sementara dan boleh diibaratkan sebagai perhentian seorang musafir singgah buat seketika sehingga ke tempat tujuannya. Dan setiap manusia akan menghadapi kehancuran dunia atau dikenali sebagai kiamat. Mesej ini juga saya ingin sampaikan sebagai seorang muslim dan melayu perlu membuat persiapan awal amatlah penting kerana hidup hanya sekali dan tiada kedua kalinya. Setelah terjadinya kegelapan dan kehancuran dunia, tiada guna untuk menyesal kerana sudah diberi peringatan demi peringatan oleh nabi dan rasul.

Selain itu, pada wajah remaja perempuan dalam karya tersebut, saya amat titikberatkan tentang ekspresi iaitu perasaan penuh keimbangan, takut dan redha. Perasaan bimbang tersebut akan menghadapi semua makhluk termasuk saya sendiri.

Disamping itu, pada latar belakang karya, pelukis memilih warna kontra antara subjek iaitu wajah remaja perempuan dengan latar belakang. Saya mengambil warna

gelap pada latar iaitu warna kelabu, dan hitam untuk mengukuhkan lagi mesej yang ingin disampaikan.

Seterusnya, saya mengambil konsep warisan dan juga kebudayaan dalam mengenakan kain batik pada remaja perempuan dalam karya. Batik merupakan satu hasil kraftangan yang di Malaysia. Di mana masyarakat zaman dahulu menggunakan sebagai pakaian hariannya.

Konsep yang saya hasilkan adalah mengutamakan pemakaian budaya melayu iaitu kain batik di kepala. Ia merupakan satu seni tradisi budaya yang berkembang di kepulauan Melayu. Bagi pengkarya, motif batik amat menarik yang boleh dijadikan lukisan. Motif yang sering menghiasi ruang pada kain sarung sudah semestinya terdapat motif – motif yang cantik. Pada masa kini, batik telah berkembang melalui proses pemodenan dalam teknik. Sebagaimana masyarakat dan kebudayaan yang sentiasa berkembang mengikut peredaran masa, dalam seni dan teknik membatik juga turut berubah dari semasa ke semasa. Daripada kecantikan yang hanya terdapat pada pakaian yang menunjukkan status si pemakainya.

4.5 KOMPOSISI

Komposisi secara ringkasnya adalah susunan komposisi yang dapat dikaitkan dengan keseimbangan , kesatuan, dan keselarasan dalam suatu karya seni rupa. dalam karya ini adalah saya melukis separuh badan manusia. Selain itu, komposisi juga Komposisi merupakan penyusunan unsur-unsur seni rupa agar menjadi sususnan yang teratur, serasi, dan menarik. Suatu karya seni rupa bisa terlihat indah karena adanya prinsip komposisi yang saling menghubungkan unsur seni sehingga menjadi lebih estetis.

Dalam karya tersebut pelukis mengambil komposisi wajah remaja perempuan dengan keseimbangan yang teratur iaitu menggunakan titik tumpuan di tengah (*Focal*

Point in the center). Dengan keseimbangan tersebut, pelukis dapat memberi ruang kepada subjek pada latar belakang .

4.6 ELEMEN DAN PRINSIP SENI

Dalam unsur seni mempunyai beberapa unsur iaitu garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang dan warna dan manakala prinsip seni termasuklah harmoni, kontra, penegasan,imbangan, irama dan pergerakan,kepelbagaian dan kesatuan.

i. Pengulangan

Pengulangan merupakan perkara yang diulang – ulang. Pengulangan ini tidak semestinya memerlukan aspek yang sama ia boleh jadi kepada aspek yang sama atau hampir sama. Pada karya saya. Terdapat pengulangan motif batik yang ada pada karya yang dipakai oleh remaja perempuan.

ii. Warna

Warna merupakan benda penting yang perlu ada dalam karya untuk kelihgatan menarik dan mempunyai maksud yang ingin disampaikan. Warna dalam karya ini, pelukis menggunakan warna yang dominan. Pada wajah karya tersebut, saya mengenakan warna mengikut warna asal. Selain itu, pada latar belakang, saya menghasilkan warna yang gelap yang menunjukkan suasana yang huru hara, dan takut. Selain itu, saya menggunakan warna panas dan sejuk iaitu warna sejuk pada kain batik dan warna panas dalam menggabung dan mencampur warna untuk dijadikan warna kulit.

iii. Kontra

Kontra merupakan kesan diperoleh yang ada pada dua unsur yang berlawanan. Kontra tersebut termasuklah perbezaan warna, dan bentuk. Pada karya saya , saya mengambil unsur kontra dari segi warna iaitu penerapan kontra warna gelap hitam pada

latar belakang dan subjek seorang remaja perempuan menggunakan warna yang terang. Dengan adanya unsur kontra ini, ia dapat kelihatan menarik dan tertumpu kepada bahagian hadapan iaitu seorang remaja perempuan.

4.7 MATERIAL

Medium akrilik merupakan medium yang paling senang, dan cepat kering dengan mengandungi pigmen. Akrilik ini boleh dicampur dengan air untuk lukisan tersebut kelihatan lembut dan lebih hidup. medium akrilik ini boleh dicampur dengan mana-mana warnanya dan senang untuk hasilkan. Contohnya saya mencampurkan warna kuning, coklat, sedikit merah dan juga putih untuk dijadikan warna kulit . apa yang menarik, cat akrilik ini boleh dicairkan dengan air, tetapi menjadi kalis air apabila sudah mengering. Ia juga bergantung kepada kualiti sesuatu cat yang bergantung kepada gel media dan kuantiti tersebut. Disamping itu, akrilik ini juga dapat menghasilkan lukisan yang seakan – akan cat minyak. Dalam menghasilkan karya saya, saya menggunakan akrilik Marie's.

Dalam menghasilkan karya ini juga, saya menggunakan kanvas yang berukuran saiz A2. Cat akrilik boleh dicairkan dengan air, tetapi menjadi kalis air apabila mengering. Bergantung kepada berapa banyak cat dicairkan (dengan air) atau diubah suai dengan gel media, akrilik, atau pes dan lukisan akrilik siap boleh menyerupai cat air atau lukisan minyak dan mempunyai ciri-ciri unik berbanding dengan media lain.

Cat akrilik boleh dicampurkan dengan air tetapi pembersihan tidak-hydratable semula setelah sapuan cat akrilik ini kering. Media cat akrilik akan dicampur menggunakan topcoats atau varnis untuk mengilatkan bahagian sapuan warna supaya ia kelihatan hidup. Apabila mengering, cat akrilik tidak akan tertanggal daripada canvas walaupun pelarut media ini adalah air. Walau bagaimanapun, alkohol isopropyl boleh menanggalkan sapuan warna akrilik ini. Cat akrilik adalah cat yang cepat mengering

ketika mencampur warna haruslah dilakukan dengan cepat. Kelebihan cat akrilik adalah dapat digunakan di pelbagai media lukis, baik kertas dan kanvas. Cat akrilik juga sangat baik untuk memberi kesan timbul atau relief pada lukisan, caranya adalah melukis lapisan dasar berulang kali. Setelah kering tambahkan lapisan berikutnya. Warna yang dihasilkan oleh cat akrilik cenderung memberikan ketajaman. Untuk membuat warna agar tampak lebih soft atau lembut tambahkan air dan campurkan dengan cat warna putih.

5.0 DESIGN SKETCHING PROSES

5.1 Proses

i) Perkembangan Idea



Gambar 1 : Lakaran komposisi subjek




Gambar 2 : Lakaran komposisi subjek



Gambar 3 : Lakaran pada latar belakang karya



Gambar 4 : Lakaran pada latar belakang karya



Gambar 5 : Lakaran pada latar belakang karya



Gambar 6 : Lakaran pada latar belakang karya

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 7 : Lakaran pada latar belakang karya

ii) **Pemilihan Karya Akhir**



5.2 PROSES KARYA



Gambar 8 : Proses lapisan pertama

Gambar 8 menunjukkan proses karya dalam lapisan pertama, di mana pengkarya membuat pilihan dengan reka letak atau komposisi subjek iaitu wajah remaja perempuan dalam keadaan takut dan gelisah yang dapat memainkan peranan dalam makna dalam karya tersebut




Gambar 9 : Proses ketelitian karya

Dalam gambar 9 menunjukkan proses selepas lakaran dibuat iaitu ketelitian pada karya. Pelukis mula melukis pada motif bunga batik dan membuat ketelitian pada wajah subjek untuk kelihatan seperti hidup.




Gambar 9 : Proses warna pada latar belakang


Proses seterusnya, pelukis mewarna pada latar belakang dengan warna yang bersesuaian iaitu warna gelap, kelabu , dan juga hitam.



Gambar 10 : Karya media akhir siap sepenuhnya dengan meletakkan latar belakang bangunan yang telah runtuh.



Gambar 11 : Karya akhir dari sisi jarak dekat



Gambar 12 : Karya akhir dari sisi jarak dekat

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5 :

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bahagian ini adalah bahagian terakhir yang mengkaji cadangan subjek dan berakhir dari kesan penyiasatan. Dalam hasil kajian dibincangkan dapat meneroka lebih banyak lagi.

5.2 KESIMPULAN

Kajian ini telah memenuhi objektif kajian dan menjawab kepada persoalan. Jelas menunjukkan komposisi, prinsip seni amatlah penting dalam menghasilkan karya.

Kajian yang dijalankan ini telah dapat memberikan gambaran secara terperinci kepada proses penghasilan sesuatu karya. Sepanjang menghasilkan kajian penyelidikan ini, banyak penyelidik pelajari. Ia secara langsung dapat meningkatkan komitmen dan bersikap rasional terhadap diri sendiri. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa tugas kajian ini banyak memberi manfaat kepada para pelajar. Pengkaji menerima banyak pendedahan, ilmu yang baru dalam dunia kontemporari. Saya merakamkan jutaan terima kasih juga kepada Pihak Universiti Malaysia Kelantan, Umk Bachok yang memberi peluang dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini.

5.3 PENDAPAT DAN CADANGAN

Diharapkan semua masyarakat menitikberatkan unsur seni dan prinsip seni dan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan serta kreatif dalam seni dan seterusnya melahirkan bakat – bakat pelukis yang akan datang. Selain itu, generasi yang akan datang adalah asset penting bagi sesebuah negara. Sekiranya mempelajari ilmu yang lebih baik lagi dalam bidang seni dan dapat mengetahui lebih lagi dalam prinsip seni ,

komposisi tersebut, maka lahirlah generasi yang celik ilmu dan bijak pandai dalam memajukan negara.

Pengkaji ingin mencadangkan kepada bakal pengkaji , diharap dapat melakukan yang terbaik dan lebih baik lagi dalam meneroka dalam bidang ini pada masa yang akan datang.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.4 RUJUKAN

Lois Fichner Rathus. Foundations of Art and Design

Arlene STEINBERG. (2009). masterful color

<https://ms.eferit.com/8-unsur-komposisi-dalam-seni/>

[Carian Umum \(dbp.gov.my\)](#)

<http://cikgusenismkbk.blogspot.com/2011/05/kajian-komposisi-dalam-portfolio.html>

<https://ms.lifehackk.com/69-all-about-focal-points-in-painting-4092634-4031>

<https://www.facebook.com/latifmaulan/posts/tales-of-apocalypse-2018-sebuah-pameran-seni-karya-karya-yang-terkini-oleh-latif/2080542012040892/>

<https://alizaipik.wordpress.com/komposisi-penggambaran/komposisi/>

<https://www.nytimes.com/2011/06/13/arts/claudio-bravo-artist-who-blended-hyperrealism-and-classical-elements-dies-at-74.html>

<http://senivilual1.blogspot.com/2011/03/prinsip-rekaan.html>

<https://wooarts.com/dirk-dzimirsky/>

<https://www.dailymail.co.uk/news/article-2115297/Paul-Cadden-The-hyperrealist-artist-recreating-photographs-pencil.html>

<https://www.yourdictionary.com/apocalypse>

<https://www.latifmaulan.com/2008/07/latif-maulan-biography.html>

http://tansookfun.blogspot.com/p/unsur-unsur-seni_10.html?m=1

<https://may.mainstreetartisans.com/4175488-what-colours-can-be-obtained-from-skin-colour>

<https://ms.all-bros.com/2642-show-some-skinner-i-mean-paint-it.html>

<https://educalingo.com/ms/dic-ms/konsep>

<https://ms.erf-est.org/11354-concepto.html>

<http://afizayu-arshad.blogspot.com/2011/10/teknik-teknik-dalam-catan.html>